

11 JAN 1998

Cuepacs-Tabung

AKHBAR DICADANG WUJUDKAN TABUNG RAKYAT

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Akhbar-akhbar harian diminta menubuhkan tabung amanah bagi membolehkan rakyat menyumbang kepada usaha memulihkan ekonomi negara.

Setiausaha Agung Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata akhbar boleh menubuhkan tabung khas seperti "Tabung Balu dan Anak Yatim Moro" dan tabung bantuan rawatan bagi seseorang yang kurang mampu.

"Rakyat Malaysia memang dikenali dengan sifat pemurah dan dalam situasi kegawatan ekonomi kini, saya pasti ramai yang ingin menghulurkan sumbangan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Cuepacs juga mencadangkan supaya potongan 10 peratus daripada imbuhan khidmat awam juga meliputi mereka yang bergaji lebih RM1,000.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang muncul dalam program Malaysia Hari Ini terbitan TV3 bersetuju dengan cadangan seorang pendengar supaya rakyat menderma RM10 seorang bagi memulihkan ekonomi negara.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh memaksa rakyat untuk berbuat demikian.

Siva berkata rakyat negara ini telah menikmati perkembangan ekonomi yang baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan masalah ekonomi yang melanda negara ketika ini perlu mendapat komitmen bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga dari seluruh rakyat.

Katanya, antara langkah yang boleh dibuat ialah berbelanja hanya jika perlu dan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan terutama di pasar raya dan stesen minyak.

"Amat rugi apabila pekerja asing menghantar wang gaji balik ke negara mereka berbanding jika rakyat negara ini yang akan membelanjakan pendapatan mereka di dalam negara," katanya.

Siva mencadangkan agar ketua jabatan di pejabat-pejabat kerajaan dan di sektor swasta mewujudkan tabung di pejabat masing-masing untuk membolehkan kakitangan lain menderma.

Sumbangan itu kemudian boleh diserahkan kepada kerajaan, katanya. --

BERNAMA

NZ MAI